




MANUAL PENGURUSAN Agihan Manfaat Wakaf



**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) 2021
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2021
Cetakan Pertama: Oktober 2021

HAK CIPTA TERPELIHARA

Dilarang mengeluarkan semula mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini atau mengubah dalam apa jua bentuk atau cara, samada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, rakaman atau mana-mana sistem storan tanpa keizinan bertulis daripada penerbit.

ISBN 9789672589303

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR)
Aras 8-9, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya,
Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100
Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-88837400 Fax: 03-88837406

Disusun dan dicetak oleh:

KEDEPAN ENTERPRISE
No 23A, Jalan Kajang Perdana 43000,Kajang Perdana Selangor
Tel:017-2238610



PERUTUSAN

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berjaya menyempurnakan penerbitan Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf untuk dijadikan rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan pihak-pihak yang melaksanakan wakaf.

Penerbitan manual ini merupakan sebahagian daripada strategi dan usaha berterusan pihak JAWHAR dalam memperkemaskan pengurusan tadbir urus wakaf di Malaysia. Objektif penyediaan manual ini adalah:

- a) Membentuk satu tatacara yang tersusun dalam pengurusan agihan manfaat wakaf agar lebih efisyen dan produktif;
- b) Menambahbaik tadbir urus agihan manfaat wakaf agar menepati prinsip amalan terbaik bagi menyuburkan keyakinan masyarakat; dan
- c) Membantu pihak MAIN untuk menyeragamkan tatacara pengurusan agihan manfaat wakaf oleh pengurus wakaf yang dilantik oleh pihak MAIN.

Akhirul kalam, sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada JAWHAR atas tindakan proaktif menerbitkan Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf ini untuk memastikan kelestarian pengurusan wakaf di negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**YB SENATOR TUAN HAJI
IDRIS BIN HAJI AHMAD**

**MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**



SEKAPUR SIRIH

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW juga ahli keluarga, para sahabat dan seluruh mukmin yang memperjuangkan syariat Islam. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana JAWHAR telah berjaya menerbitkan Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf sebagai salah satu bahan rujukan penting dalam menguruskan sesuatu wakaf.

Sepertimana hasrat Kerajaan untuk menjadikan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara, tindakan yang berstrategik perlu dilaksanakan segera. Salah satu usaha yang dilakukan adalah memperkemaskan tadbir urus wakaf menerusi penerbitan Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf ini,

yang mana ia merupakan satu panduan yang jelas dan teratur mengenai tatacara pengurusan manfaat wakaf kepada penerima manfaat. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama erat dalam menyediakan manual ini.

Semoga usaha JAWHAR menerbitkan manual sebegini mendapat sokongan daripada seluruh MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf berdasarkan peruntukan di bawah Senarai II, Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan dan pihak-pihak lain yang menguruskan wakaf di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SELAMAT BIN PAIGO
KETUA PENGARAH JABATAN
WAKAF, ZAKAT DAN HAJI**



GLOSARI

| | |
|-----------------------|---|
| 'Ain | : Sumber fizikal harta wakaf |
| Benefisiari | : Pihak penerima |
| Ghayr Mu'ayyan | : Bukan tertentu/khusus |
| Hibah | : Pemberian hak (harta) wakaf secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik. |
| Ijab | : Tawaran |
| Istismari | : Melaburkan hasil wakaf bagi maksud mendapatkan faedah yang lebih baik |
| Khairi | : Harta yang diwakafkan untuk kebajikan orang ramai |
| Kinayah | : Sindiran |
| Majazi | : Kiasan/tersirat |
| Mawquf 'alaih | : Pihak yang menerima manfaat atau hasil harta wakaf |
| Mawquf | : Harta yang hendak diwakafkan |
| Mu'ayyan | : Tertentu/khusus |
| Mubasyir | : Penggunaan aset wakaf secara langsung |
| Qabul | : Penerimaan |
| Sighah | : Lafaz yang diucapkan oleh pewakaf |
| Soreh | : Jelas |
| Taqarrub | : Mendekatkan diri kepada Allah SWT |
| Waqif | : Pewakaf |
| Zurri | : Harta yang diwakafkan untuk kebajikan ahli keluarga atau keturunan pewakaf |

SENARAI AKRONIM

| | |
|---------------|--|
| BPAMW | : Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf |
| JKAMW | : Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf |
| MPAMW | : Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf |
| MAIN | : Majlis Agama Islam Negeri |
| MAIWP | : Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan |
| MAINPP | : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang |
| PWS | : Perbadanan Wakaf Selangor |
| YWM | : Yayasan Waqaf Malaysia |





KANDUNGAN

| | |
|--|-----|
| PERUTUSAN | i |
| SEKAPUR SIRIH | ii |
| GLOSARI | iii |
| SENARAI AKRONIM | iv |
| KANDUNGAN | v |
| | |
| BAB 1 : PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Tujuan | 1 |
| 1.3 Skop | 2 |
| 1.4 Kaedah Penyediaan MPAMW | 2 |
| 1.5 MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal | 2 |
| 1.6 Pengertian Wakaf | 3 |
| 1.7 Pensyariatan Wakaf | 4 |
| 1.8 Hikmah Berwakaf | 5 |
| 1.9 Rukun Wakaf | 6 |
| 1.10 Syarat Wakaf | 7 |
| 1.11 Kesimpulan | 7 |
| | |
| BAB 2 : MANFAAT WAKAF | 8 |
| 2.1 Pengenalan | 8 |
| 2.2 Manfaat Wakaf | 8 |
| 2.3 Hikmah Manfaat Wakaf | 9 |
| 2.4 Objektif Manfaat Wakaf | 10 |
| 2.5 Kategori Manfaat Wakaf | 10 |
| 2.6 Agihan Hasil Manfaat Wakaf | 16 |
| 2.7 Sumber Dana Hasil Agihan Manfaat Wakaf | 17 |
| 2.8 Kepentingan Agihan Manfaat Wakaf | 17 |
| 2.9 Kesimpulan | 17 |

| | |
|---|-----------|
| BAB 3 : PENGURUSAN AGIHAN MANFAAT WAKAF | 18 |
| 3.1 Pengenalan | 18 |
| 3.2 Entiti | 18 |
| 3.3 Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf | 18 |
| 3.4 Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf | 21 |
| 3.5 Ganjaran Bagi Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf | 22 |
| 3.6 Penamatan Kuasa Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf | 23 |
| 3.7 Kesimpulan | 23 |
| | |
| BAB 4 : PENGAGIHAN MANFAAT WAKAF | 24 |
| 4.1 Pengenalan | 24 |
| 4.2 Pembahagian Dana Manfaat Wakaf | 24 |
| 4.2.1 Kekerapan Pembahagian Dana Manfaat Wakaf | 27 |
| 4.3 Pengagihan Dana Hasil Manfaat Wakaf | 27 |
| 4.3.1 Pengagihan Hasil Tunai Daripada Wakaf Tunai | 27 |
| 4.3.2 Pengagihan Hasil Tunai Daripada Wakaf Aset | 28 |
| 4.3.3 Amalan Agihan Dana Hasil Manfaat Wakaf | 28 |
| | 30 |
| 4.4 Prosedur Pengagihan Dana Hasil Manfaat Wakaf Yang Melibatkan Perolehan dan Perbelanjaan | 32 |
| 4.5 Penukaran Penerima Manfaat Wakaf | 36 |
| 4.6 Pelaporan Agihan Dana Hasil Manfaat Wakaf | 36 |
| 4.7 Kesimpulan | 37 |
| | |
| BAB 5 : PENUTUP | 38 |
| PENGHARGAAN | 39 |
| RUJUKAN | 42 |
| LAMPIRAN A | 43 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merangkumi tujuan manual disediakan, skop serta penerangan berkenaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf di setiap negeri. Bab ini juga turut menjelaskan mengenai pengertian, pensyariatan, hikmah, rukun dan syarat wakaf.

1.2 Tujuan

MPAMW ini bertujuan untuk:

- a) Membentuk satu tatacara yang tersusun dalam pengurusan ***agihan manfaat wakaf*** agar lebih efisyen dan produktif;
- b) Menambahbaik tadbir urus ***agihan manfaat wakaf*** agar menepati prinsip amalan terbaik bagi menyuburkan keyakinan masyarakat; dan
- c) Membantu pihak MAIN untuk menyeragamkan tatacara pengurusan ***agihan manfaat wakaf*** oleh pengurus wakaf yang dilantik oleh pihak MAIN.

1.3 Skop

MPAMW ini menyentuh tentang pengertian, pengurusan dan prosedur pelaksanaan agihan manfaat wakaf. Manual ini merupakan usaha secara strategik untuk memantapkan pengurusan agihan manfaat wakaf dalam kalangan pengurus wakaf yang dilantik oleh MAIN secara keseluruhannya dan boleh digunakan sebagai rujukan.

1.4 Kaedah Penyediaan MPAMW

Penyediaan MPAMW ini diurussetiakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), dengan input daripada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1.5 MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal

MAIN adalah Pemegang Amanah Tunggal bagi semua harta wakaf sebagaimana yang termaktub dalam akta / enakmen perundangan Islam di negeri-negeri. Sebagai pemegang amanah tunggal MAIN mempunyai kuasa untuk:

- a) Melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk menjadi pentadbir atau pengurus apa-apa *mawquf* bagi pihaknya;
- b) Mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan di mana *waqif* telah pun melantik



pentadbir atau pengurusnya sendiri tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh MAIN; dan

- c) Menamatkan pelantikan di para (i) dan (ii) yang pada pendapat MAIN adalah wajar untuk berbuat sedemikian.

Sebagai Pemegang Amanah Tunggal, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Majlis untuk mentadbir, menjaga, mengurus dan membangunkan harta-harta wakaf yang ada dalam negeri masing-masing secara optimum dan profesional.

1.6 Pengertian Wakaf

Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, *hibah* dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebaikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebaikan sebagai *taqarrub* pewakaf kepada Allah SWT. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa.

1.7 Pensyariatan Wakaf

Pensyariatan wakaf adalah berdasarkan firman Allah SWT:

لَن تَنالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنفِقُوا مِمَّا تَحْبُّونَ وَمَا تُنفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai hakikat kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya".

(Surah Ali Imran: Ayat 92)

Anas R.A. meriwayatkan bahawa sebaik mendengar ayat di atas, Abu Talhah telah meminta penjelasan lanjut daripada Rasulullah SAW tentang maksud ayat tersebut. Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa antara sedekah harta yang dimaksudkan ayat ini ialah ibadat wakaf.

Al-Rafi'i (pengikut mazhab Shafie) telah mentafsirkan maksud kebajikan dalam ayat di atas adalah wakaf, iaitu satu-satunya ibadah dikategorikan sebagai sedekah jariah kerana kebajikan yang diperolehi oleh pewakaf adalah ganjaran pahala berterusan walaupun pewakafnya telah meninggal dunia, selagi harta tersebut dimanfaatkan untuk kebajikan seperti yang dinyatakan dalam hadis berikut:



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةَ : صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Apabila mati seseorang anak Adam, akan terhentihilam amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkannya atau anak yang soleh yang mendoakannya”.

(Hadis riwayat Muslim)

Harta yang telah diwakafkan adalah suatu pemilikan yang tidak mutlak oleh pewakaf dan penerima wakaf kerana ‘ain harta yang diwakafkan kembali menjadi hak Allah SWT. Pewakaf tidak boleh menuntut kembali atau menjual, menghadiah, menghibah dan mewariskan harta yang telah diwakafkan. Pemegang amanah wakaf wajib menunaikan hasrat pewakaf iaitu menggunakan manfaat atau hasil harta wakaf mengikut apa yang dilafazkan oleh pewakaf.

1.8 Hikmah Berwakaf

- Menzahirkan pengabdian diri kepada Allah SWT;
- Mendekatkan diri kepada Allah SWT;
- Mendapatkan kebajikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas pewakaf meninggal dunia;

- d) Berkongsi manfaat dalam kalangan masyarakat Islam seperti membina masjid dan sekolah untuk menghidupkan syiar Islam dan aktiviti keilmuan;
- e) Mengukuhkan perpaduan ummah; dan
- f) Memastikan pengekalan pemilikan dan perkongsian aset umat Islam.

1.9 Rukun Wakaf

Rukun berwakaf terbahagi kepada 4 iaitu:

- a) **Waqif** iaitu orang yang mewakafkan harta wakaf;
- b) **Mawquf** iaitu harta yang hendak diwakafkan;
- c) **Mawquf ‘alaih** iaitu orang yang menerima manfaat wakaf sama ada penerimanya orang tertentu (**mu’ayyan**) atau penerimanya bukan tertentu (**ghayr mu’ayyan**) seperti fakir miskin, anak yatim, masjid, sekolah dan sebagainya; dan
- d) **Sighah** iaitu lafadz yang diucapkan oleh *waqif* yang terdiri daripada **ijab** (tawaran) dan **qabul** (penerimaan) dan samada dalam bentuk jelas (**soreh**) atau sindiran (**kinayah**).



1.10 Syarat Wakaf

Pewakafan harta hanya akan menjadi sempurna (sah) apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Wakaf hendaklah dibuat secara kekal;
- b) Bagi wakaf khas, tujuan dan maksud wakaf hendaklah dinyatakan dengan jelas; dan
- c) Harta yang telah diwakafkan berkuatkuasa serta merta, tidak boleh ditarik balik, tidak boleh diubah-ubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat-syarat.

1.11 Kesimpulan

Wakaf mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan sosio-ekonomi umat Islam serta memberi peluang kepada semua manusia untuk berwakaf mengikut kemampuan masing-masing.

BAB 2


MANFAAT WAKAF

2.1 Pengenalan

Manfaat wakaf merupakan satu perkara yang amat penting untuk memastikan konsep jariah dapat dikekalkan demi hasrat pewakaf dan kemaslahatan ummah. Oleh itu, bab ini akan menyentuh pengertian manfaat wakaf, sumber dana manfaat wakaf, objektif, hikmah beserta kepentingan agihan manfaat wakaf.

2.2 Manfaat Wakaf

Secara asasnya manfaat wakaf adalah merujuk kepada penggunaan ataupun utiliti terhadap harta yang diwakafkan (*mawquf*) tanpa menghilangkan ‘ain asalnya.



Rajah 2.1: Posisi manfaat dalam wakaf



Keistimewaan dan keunikan wakaf terletak kepada konsep pemisahan di antara hak pemilikan dan faedah penggunaan harta yang diwakafkan. Secara *majaznya* harta wakaf adalah milik Allah SWT. Pewakaf tidak lagi memiliki harta yang telah diwakafkannya dengan apa jua cara sekalipun, kecuali sebagai pengurus harta wakaf.

Ini berikutnya wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak berkekalan dan kegagalan memenuhi syarat kontrak boleh mengakibatkan ianya tidak sah. Namun syarat ini tidak mutlak kerana ianya masih lagi tertakluk di dalam had kerangka peruntukan undang-undang Islam dan mesti dikembalikan kepada asas-asas agama.

2.3 Hikmah Manfaat Wakaf

- a) Ganjaran pahala kepada pewakaf secara berterusan;
- b) Menyuburkan *mawquf* supaya lebih produktif dan dapat meningkatkan dana wakaf yang sedia ada;
- c) Memperkembangkan hasil manfaat wakaf umat Islam selaras dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara; dan
- d) Menyalurkan agihan hasil manfaat wakaf secara lebih menyeluruh dan berkesan.

2.4 Objektif Manfaat Wakaf

Manfaat wakaf mempunyai matlamat dan objektif tertentu, antaranya ialah:

- a) Memastikan ganjaran yang berterusan kepada pewakaf hasil daripada sumbangan wakaf mereka yang dimanfaatkan;
- b) Memastikan harta wakaf diuruskan dengan sebaiknya selari dengan hasrat pewakaf;
- c) Mengurus sumbangan masyarakat keseluruhannya samada tunai atau aset bagi pembangunan ummah; dan
- d) Menjamin kelestarian harta wakaf.

2.5 Kategori Manfaat Wakaf

Penggunaan harta atau manfaat wakaf pula boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu:

- a) kelangsungan penggunaan;
- b) Skop penggunaan; dan
- c) penjanaan pendapatan daripada penggunaan.

Dari aspek kelangsungan, manfaat diukur melalui kewujudan perhubungan langsung antara penerima manfaat dan mawquf.





Terdapat dua (2) kategori manfaat di bawah perhubungan langsung iaitu ***Mubasyir*** dan ***Istismari*** seperti yang diperincikan di bawah:

a) **Wakaf Mubasyir**

Manfaat wakaf mubasyir merujuk kepada penggunaan aset wakaf secara langsung seperti yang ditentukan di dalam sighah di mana faedah wakaf hanya dapat direalisasikan dengan menggunakan harta wakaf secara penggunaan langsung seperti masjid untuk solat dan sekolah untuk belajar. Dalam situasi ini masjid dan sekolah merupakan harta yang diwakafkan.

b) **Wakaf Istismari**

Dalam wakaf istismari, harta wakaf yang digunakan sebagai penanaman modal atau pelaburan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan yang diizinkan oleh syarak dalam bentuk apa pun. Maka hasil daripada pelaburan akan diagihkan mengikut kehendak pewakaf. Dalam konteks ini, penerima manfaat tidak bersentuhan langsung dengan mawquf, mereka hanya mendapat hasil mawquf. Sebagai contoh, ladang yang diwakafkan bagi kegunaan pelajar madrasah. Dalam situasi ini, pelajar madrasah akan mendapat sebahagian daripada hasil pendapatan ladang tanpa ada hubungan langsung dengan ladang tersebut.

Selain kelangsungan, manfaat diukur daripada aspek skop penggunaan iaitu samada *khairi* ataupun *zurri* seperti yang diperincikan di bawah:

a) Wakaf *Khairi*

Wakaf *khairi* diwakafkan untuk kebajikan yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Wakaf *khairi* dibahagikan kepada dua kategori umum iaitu wakaf *am* dan wakaf *khas*. Wakaf *am* merupakan bentuk harta wakaf yang dibuat untuk kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan penerima atau tujuan yang tertentu. Pewakaf juga tidak menetapkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan. Manakala wakaf *khas* bersifat khusus apabila pewakaf menentukan wakaf yang dibuat untuk tujuan tertentu atau penerima tertentu.

i. Wakaf *Am*

Wakaf *am* merupakan mana-mana bentuk harta wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan benefisiari khusus tujuan tertentu. Penggunaan harta wakaf boleh digunakan untuk sebarang kebajikan umum yang dapat meningkatkan lagi imej Islam dan masyarakatnya, contohnya seorang yang mewakafkan tanah secara wakaf *am*, bermaksud penggunaan tanah tersebut adalah untuk tujuan kebajikan umat Islam secara umumnya selagi mana ia menepati hukum syara'.



ii. Wakaf Khas

Wakaf khas atau wakaf khusus pula diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud penggunaan atau khairat tertentu yang diharuskan oleh syarak samada dibatasi tujuan-tujuan khusus ataupun penerima-penerima manfaat khusus seperti untuk madrasah atau rumah anak yatim atau sebagainya. Dalam konteks ini, pemegang amanah wakaf tersebut perlu membangunkannya sebagaimana menurut *sighah* pewakaf sahaja. Manakala, manfaatnya juga perlu diagihkan sebagaimana yang dihasratkan oleh pewakaf tersebut.

b) Wakaf Zurri

Wakaf *zurri* yang juga disebut sebagai wakaf *ahli* ini dikhkususkan manfaatnya untuk kebajikan dan kepentingan ahli keluarga atau keturunan pewakaf sahaja sebagaimana yang ditentukan oleh pewakaf sendiri.

Manfaat wakaf juga boleh diukur daripada sudut kemampuan penggunaan tersebut menjana pendapatan yang dipecahkan kepada manfaat wakaf ketara dan manfaat wakaf tidak ketara.

i. Manfaat wakaf ketara

Manfaat wakaf ketara merujuk kepada penggunaan harta wakaf yang boleh memberi hasil pendapatan atau keuntungan dalam bentuk kewangan seperti hasil sewaan, hasil simpanan atau hibah daripada pelaburan dan sebagainya.

ii. Manfaat wakaf tidak ketara

Manfaat wakaf tidak ketara pula merujuk kepada penggunaan aset wakaf yang tidak menjana hasil pendapatan atau keuntungan dalam bentuk kewangan seperti manfaat dalam bentuk kemudahan atau keselesaan orang ramai.

Kesemua kategori manfaat adalah terpakai bagi aset wakaf alih dan aset wakaf tak alih.

Dalam manual ini penekanan diberikan kepada hasil kewangan manfaat wakaf (manfaat wakaf ketara) memandangkan terdapat keperluan dan kewajiban agihan hasil kewangan manfaat tersebut. Oleh itu selepas bahagian ini agihan hasil manfaat wakaf adalah merujuk kepada agihan hasil kewangan manfaat wakaf.





| | | |
|----------------------|---|---------------------|
| MANFAAT WAKAF | Kelangsungan penggunaan | <i>Mubasyir</i> |
| | Skop penggunaan | <i>Istismari</i> |
| | Tujuan penggunaan | <i>Khairi</i> |
| | | <i>Zurri</i> |
| | | <i>Am</i> |
| | | <i>Khas</i> |
| | Penjanaan pendapatan dari penggunaan | <i>Ketara</i> |
| | | <i>Tidak Ketara</i> |

Rajah 2.2: Ringkasan kategori manfaat wakaf

2.6 Agihan Hasil Manfaat Wakaf

Imam Abu Yusuf menyatakan bahawa dedikasi utiliti terhadap *mawquf* mahupun agihan hasil manfaat wakaf dipengaruhi oleh *sighah* wakaf mengikut kehendak yang dinyatakan oleh *waqif* seperti yang termaktub di dalam kaedah *fiqh*:

شرط الواقف كنص الشارع

Ertinya:

“Syarat yang ditentukan oleh pewakaf adalah sama seperti nas syarak”.

Ini berikutan wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak berkekalan dan kegagalan memenuhi syarat kontrak boleh mengakibatkan ianya tidak sah. Namun syarat ini tidak mutlak kerana ianya masih lagi tertakluk di dalam had kerangka peruntukan undang-undang Islam dan mesti dikembalikan kepada asas-asas agama.

Justeru kaedah pengurusan manfaat wakaf adalah tertakluk kepada *sighah* wakaf sepenuhnya, sama ada daripada sudut penggunaannya mahu pun pengagihan hasil manfaatnya.





2.7 Sumber Dana Hasil Agihan Manfaat Wakaf

- a) Hasil tunai melalui pelaburan wakaf tunai yang belum digunakan; dan
- b) Hasil tunai yang dijana melalui pembangunan, sewaan, pajakan, hartaanah wakaf dan sebagainya.

2.8 Kepentingan Agihan Manfaat Wakaf

- a) Tidak menimbulkan fitnah kepada wakaf;
- b) Menjana pulangan harta wakaf berlipat ganda bagi kelestarian ummah dan negara;
- c) Menyokong pertumbuhan ekonomi negara dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang; dan
- d) Meraih keberkatan menerusi penggunaan harta wakaf yang berulang kali.

2.9 Kesimpulan

Manfaat wakaf mempunyai peranan yang sangat besar dalam pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Penggunaan manfaat wakaf mestilah berobjektifkan kebaikan yang berkekalan kepada ummah dalam meningkatkan syiar Islam khususnya kepentingan pembangunan golongan yang memerlukan.

BAB 3

PENGURUSAN AGIHAN MANFAAT WAKAF

3.1 Pengenalan

Agihan manfaat wakaf mesti diuruskan secara berstruktur bagi melancarkan tadbir urus agihan manfaat wakaf dengan lebih bersistematis. Oleh itu, bab ini menjelaskan tentang struktur gerak kerja pengagihan manfaat wakaf yang terdiri daripada entiti, Badan Pengurusan dan Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf. Bab ini juga turut menerangkan mengenai ganjaran dan penamatan kuasa Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf.

3.2 Entiti

Entiti merujuk kepada institusi atau mana-mana pihak yang berhasrat untuk terlibat dalam sebarang urusan yang melibatkan wakaf. Oleh itu, entiti tersebut hendaklah membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan daripada MAIN.

3.3 Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf

Secara prinsipnya, semua urusan yang melibatkan wakaf hendaklah melalui satu entiti. Bagi menguruskan agihan manfaat




wakaf, entiti tersebut perlu mewujudkan Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf (BPAMW). Keanggotaan badan ini terdiri daripada ahli-ahli **Jawatankuasa** Agihan Manfaat Wakaf dan **pegawai operasi** yang melaksanakan proses kerja agihan manfaat wakaf (Sila rujuk Rajah 3.1).

Bagi melayakkan sesuatu badan itu dipertimbangkan untuk mendapat pengiktirafan MAIN, terdapat **lima (5)** syarat yang perlu dipatuhi oleh entiti sebagaimana berikut:

- a) Entiti mestilah dilantik atau diberi kuasa oleh MAIN;
- b) Entiti mestilah berdaftar dengan badan pendaftar yang sah;
- c) Entiti yang tidak muflis;
- d) Entiti mestilah memiliki alamat berdaftar yang sah; dan
- e) Entiti mestilah mempunyai maklumat akaun yang sah dan boleh diaudit.

Walau bagaimana pun, kesemua individu yang terlibat dalam pengurusan wakaf secara amnya mestilah mempunyai kriteria asas dalam pentadbiran wakaf daripada segi **kerohanian, etika, realistik dan kemanusiaan**.



Rajah 3.1 : Contoh Struktur Organisasi Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf UPM

Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf (BPAMW) mempunyai tugas-tugas tersendiri yang secara ringkasnya adalah seperti senarai berikut:

- Menyediakan kertas cadangan agihan manfaat wakaf (rujuk **LAMPIRAN A**);
- Mengemukakan kertas cadangan agihan kepada Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf untuk pertimbangan kelulusan;
- Melaksanakan agihan manfaat wakaf berdasarkan kelulusan dan Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf;



- d) Menyediakan laporan secara berkala atau tahunan kepada pihak MAIN bagi semua pengagihan dana manfaat wakaf yang telah diagihkan; dan
- e) Menyimpan rekod-rekod berkaitan dengan pengagihan manfaat wakaf.

Kesemua tugas dan tanggungjawab Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf ini dilaksanakan oleh pegawai operasi yang dilantik.

3.4 Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf

Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf (JKAMW) ditubuhkan hendaklah terdiri daripada anggota yang **mahir** dan **berkelayakan** untuk memastikan pengagihan manfaat wakaf dapat dijalankan dengan efektif dan efisien.

Keahlian Jawatankuasa

- a) Pelantikan pengurus hendaklah diputuskan bersama oleh pengurusan tertinggi entiti dan pihak MAIN;
- b) Setiausaha boleh dilantik daripada Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf;
- c) Ahli-ahli adalah terdiri daripada wakil MAIN, pakar-pakar syariah, pakar kewangan atau pakar-pakar lain; dan
- d) Wakil penerima manfaat wakaf (sekiranya perlu).

Skop Jawatankuasa

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menilai dan meluluskan sebarang bentuk agihan manfaat wakaf.

3.5 Ganjaran Bagi Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf

Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf dibolehkan untuk menerima sejumlah ganjaran yang berpatutan atas usaha mentadbir dan memajukan harta wakaf dengan kelulusan daripada MAIN.

Terdapat **tiga (3)** bentuk sumber ganjaran yang boleh diberikan kepada Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf:

- a) Sumber ganjaran daripada harta wakaf

Pada asasnya, harta wakaf tidak boleh menjadi milik kepada sesiapa pun kerana ia akan mengurangi jumlah asas atau nilai harta tersebut. Keadaan ini akan membawa kepada berkurangnya hasil wakaf.

Tetapi sekiranya pihak pewakaf sendiri telah menetapkan kadar tertentu daripada harta wakafnya sebagai ganjaran kepada Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf, ia dikira sah.

- b) Sumber ganjaran daripada hasil manfaat wakaf

Tiada khilaf ulama terhadap keharusan mengambil ganjaran daripada sebahagian hasil harta wakaf sama ada



ia berbentuk tunai, hasil tuaian, barang, manfaat dan sebagainya.

c) Lain-lain sumber ganjaran

Tiada sebarang halangan untuk mendapatkan sumber ganjaran daripada pihak ketiga seperti yang berbentuk dana, geran, pemberian, hadiah atau sebagainya yang tidak bersangkutan dengan harta wakaf atau hasil manfaat wakaf.

3.6 Penamatan Kuasa Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf

Pihak MAIN berhak untuk menamatkan kuasa Badan Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf pada bila-bila masa sekiranya berlaku perlanggaran perjanjian antara kedua-dua belah pihak.

3.7 Kesimpulan

Sebarang aktiviti yang melibatkan wakaf hendaklah dilaksanakan oleh entiti yang sah serta mendapatkan pengiktirafan dari MAIN. Setiap pihak yang terlibat haruslah memahami skop dan fungsi masing-masing dengan bijak dalam memastikan harta wakaf terus kekal, berkembang dan menghasilkan manfaat.

BAB 4

PENGAGIHAN MANFAAT WAKAF

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh berkenaan pembahagian dana hasil manfaat wakaf, prosedur pengagihan dana hasil manfaat wakaf yang melibatkan perolehan dan perbelanjaan, penukaran penerima manfaat wakaf beserta pelaporan agihan dana hasil manfaat wakaf.

4.2 Pembahagian Dana Manfaat Wakaf

Setiap manfaat wakaf hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang tertakluk kepada *sighah* wakaf serta tidak melanggar syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa. Secara prinsipnya, manfaat wakaf boleh dibahagikan kepada beberapa peruntukan utama seperti tujuan kebajikan atau kepentingan *mawquf 'alaih*; pentadbiran atau pengurusan harta wakaf; pembangunan atau pengembangan harta wakaf; dan penyelenggaraan harta wakaf tertakluk kepada prosedur agihan manfaat wakaf yang berkuatkuasa di MAIN.

Perincian bagi setiap komponen agihan manfaat wakaf yang dicadangkan adalah sebagaimana berikut:



a) Kebajikan dan Kepentingan *Mawquf ‘Alaih*

Setiap wakaf harus memiliki *Mawquf ‘Alaih*. Kebajikan dan kepentingan *Mawquf ‘Alaih* mestilah menjadi asas rujukan serta keutamaan dalam setiap proses pengagihan manfaat wakaf.

Berikut adalah contoh-contoh *Mawquf ‘Alaih* bagi wakaf am yang boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf (JKAMW):-

- i. Golongan asnaf;
- ii. Anak-anak yatim dan orang kelainan upaya (OKU);
- iii. Keperluan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan awam;
- iv. Membayai pembinaan institusi;
- v. Membayai kos operasi institusi; dan
- vi. Apa sahaja aktiviti kebajikan yang difikirkan sesuai termasuk kepada golongan bukan beragama Islam.

b) Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf

Peratus tertentu boleh ditetapkan oleh MAIN bagi tujuan peruntukan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri atau perjanjian antara entiti dan MAIN.

c) Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf

Agihan manfaat wakaf perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan pembangunan dan pengembangan harta wakaf, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Melabur dalam instrumen kewangan patuh syarak yang kurang berisiko;
- ii. Membangunkan harta wakaf yang sedia ada;
- iii. Membeli aset-aset baharu dalam sektor pembinaan, pembuatan dan sebagainya; dan
- iv. Membangunkan harta wakaf dalam sektor pertanian, perladangan, perkilangan dan sebagainya.

Sekiranya BPAMW ingin mengembangkan agihan dana manfaat wakaf untuk selain Mawquf ‘Alaih, kelulusan Jawatankuasa Fatwa dan MAIN perlu diperolehi.





4.2.1 Kekerapan Pembahagian Dana Manfaat Wakaf

JKAMW boleh memutuskan kekerapan pembahagian dana manfaat wakaf mengikut keperluan semasa atau secara tahunan, pertengahan tahun atau suku tahunan berdasarkan kepada Perjanjian antara entiti dan MAIN.

4.3 Pengagihan Dana Hasil Manfaat Wakaf

Pengagihan dana hasil manfaat wakaf boleh berlaku dalam bentuk pengagihan **hasil tunai** daripada **wakaf tunai** atau **hasil tunai daripada wakaf aset**.

4.3.1 Pengagihan Hasil Tunai Daripada Wakaf Tunai

Terdapat **dua (2)** contoh model pengagihan hasil tunai daripada wakaf tunai yang boleh diguna pakai oleh BPAMW seperti berikut:

Model 1

Memperuntukkan hasil tunai daripada wakaf tunai kepada **tiga (3)** bahagian utama iaitu;

- Pengurusan dan Pentadbiran.
- Kebajikan dan Kepentingan Mawquf ‘Alaih.
- Pengembangan Harta Wakaf.

Model ini boleh diguna pakai untuk pengurusan agihan manfaat wakaf am dan wakaf khas.

Model 2

Hasil tunai daripada wakaf tunai tidak akan diagihkan namun akan dilaburkan sehingga mencapai satu nilai dan boleh ditukar kepada satu aset kekal.

Walau bagaimana pun, model ini hanya diguna pakai untuk pengurusan agihan manfaat wakaf am.

4.3.2 Pengagihan Hasil Tunai Daripada Wakaf Aset

Terdapat **tiga (3)** contoh model pengagihan hasil tunai daripada wakaf aset yang boleh diguna pakai oleh pihak BPAMW seperti berikut:

Model 1

Model ini mengambil kira sebarang kos transaksi yang melibatkan pengurusan aset seperti:

- Penyelenggaraan
- Cukai pintu
- Cukai tanah tahunan
- Kos pemutihan pihak berkuasa tempatan



- Kos Strata
- Dana Terikat (*Sinking Fund*)
- Bil Utiliti yang tertunggak sekiranya ada
- Bayaran Kawalan Keselamatan
- Takaful

Baki hasil tunai bersih selepas mengambil kira kos-kos seperti di atas akan diagihkan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu;

- a) Pengurusan dan Pentadbiran.
- b) Kebajikan dan Kepentingan Mawquf ‘Alaih.
- c) Pengembangan Harta Wakaf.

Model ini boleh diguna pakai untuk pengurusan agihan manfaat wakaf am dan wakaf khas.

Model 2

Bagi model 2, selain daripada mengambil kira kos transaksi pengurusan aset, baki hasil tunai bersih juga mengambil kira kos pengurusan dan pentadbiran sebelum ianya diagihkan kepada mawquf ‘alaih dan pengembangan aset.

Model 3

Bagi model 3, selain daripada mengambil kira kos transaksi pengurusan aset, baki hasil bersih juga mengambil kira kos

pengurusan dan pentadbiran sebelum ianya diagihkan kesemuanya kepada mawquf ‘alaih.

4.3.3 Amalan Agihan Dana Hasil Manfaat Wakaf

Terdapat pelbagai amalan agihan dana hasil manfaat wakaf yang dilaksanakan di Malaysia antaranya Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sebagaimana berikut:

Model 1 (MAINPP)

| Bil. | Agihan Manfaat | Jumlah Peruntukan |
|------|--|-------------------|
| 1. | Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf ‘Alaih</i> | 40% |
| 2. | Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf | 20% |
| 3. | Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf | 20% |
| 4. | Pelaburan Pengembangan Harta Wakaf | 20% |



Model 2 (MAIWP)

| Bil. | Agihan Manfaat | Jumlah Peruntukan |
|------|---|-------------------|
| 1. | Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf 'Alaih</i> | 50% |
| 2. | Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf | 10% |
| 3. | Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf | 20% |
| 4. | Perbelanjaan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf | 20% |

Model 3 (PWS)

| Bil. | Agihan Manfaat | Jumlah Peruntukan |
|------|---|-------------------|
| 1. | Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf 'Alaih</i> | 50% |
| 2. | Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf | 15% |
| 3. | Penyelenggaraan Harta Wakaf | 20% |
| 4. | Pembelanjaan Harta Tanah | 15% |

Model 4 (YWM)

| Bil. | Agihan Manfaat | Jumlah Peruntukan |
|------|---|-------------------|
| 1. | Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf ‘Alaih</i> | 40% |
| 2. | Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf | 20% |
| 3. | Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf | 40% |


4.4 Prosedur Pengagihan Dana Hasil Manfaat Wakaf Yang Melibatkan Perolehan dan Perbelanjaan

Secara dasarnya, semua perolehan dan perbelanjaan dana hasil manfaat wakaf ini merujuk kepada prosedur yang berkuatkuasa dan tertakluk kepada peraturan kewangan dan perakaunan BPAMW.

Berikut disertakan **tiga (3)** contoh carta alir yang melibatkan proses kerja, proses perolehan bekalan/perkhidmatan melebihi RM50,000.00 dan melibatkan proses bekalan/perkhidmatan sehingga RM50,000.00, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1, Rajah 4.2 dan Rajah 4.3.




Contoh carta alir melibatkan proses kerja



Sumber: Yayasan Waqaf Malaysia (2017)


Contoh carta alir melibatkan proses bekalan/perkhidmatan sehingga RM50,000.00



Sumber: Yayasan Waqaf Malaysia (2017)



Contoh carta alir melibatkan proses bekalan/perkhidmatan melebihi RM50,000.00



Sumber: Yayasan Waqaf Malaysia (2017)

4.5 Penukaran Penerima Manfaat Wakaf

Bagi kes-kes yang menyebabkan timbul masalah berbangkit yang memerlukan kepada pelaksanaan penukaran penerima manfaat wakaf bagi apa-apa *mawquf* hendaklah dirujuk kepada jawatankuasa fatwa negeri-negeri masing-masing.

4.6 Pelaporan Agihan Dana Hasil Manfaat Wakaf

BPAMW hendaklah menyediakan pelaporan agihan dana hasil manfaat wakaf berdasarkan kepada keperluan dan kehendak MAIN. Pelaporan agihan manfaat wakaf perlu mempunyai komponen-komponen berikut:

Komponen 1

- Senarai aset
- Jumlah nilai aset tunai dan aset bangunan
- Bilangan lot dan premis
- Bilangan lot yang disewakan
- Jumlah sewa tahunan
- Kutipan hasil
- Lebihan hasil



Komponen 2

- Jumlah agihan
- Jenis bentuk agihan
- Kaedah agihan
- Jumlah penerima agihan
- Sektor penerima agihan

4.7 Kesimpulan

Dana hasil manfaat wakaf boleh diagihkan kepada beberapa komponen. Namun, semua pihak yang terlibat harus peka terhadap prosedur, tatacara dan perjanjian agihan supaya agihan dapat dilaksanakan secara efektif.

BAB 5

PENUTUP

Agihan manfaat wakaf merupakan satu aktiviti penting dalam pengurusan wakaf. Justeru, pengagihan manfaat wakaf ini hendaklah diuruskan oleh BPAMW yang dilantik. Proses agihan yang **sistematik** dan **profesional** akan membantu BPAMW dalam memastikan **kelestarian** harta dan manfaat wakaf. Dalam memastikan manfaat wakaf dapat disalurkan kepada *Mawquf 'alaih* secara khusus dan umat Islam seluruhnya, pematuhan terhadap tatacara, prosedur dan perjanjian bersama di antara entiti dan MAIN di negeri masing-masing haruslah dipatuhi.

Semoga dengan penerbitan MPAMW ini dapat membantu entiti merealisasikan tanggungjawabnya sebagai pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam di setiap negeri. Di samping itu, BPAMW juga dapat meningkatkan **keyakinan** umat Islam terhadap institusi pengurusan wakaf dalam tadbir urus agihan manfaat wakaf. Semoga MPAMW menjadi panduan atau rujukan dalam memudahkan tugas BPAMW mengagihkan manfaat wakaf.

PENGHARGAAN

JAWHAR merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan idea bagi penyediaan Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khas buat semua pegawai MAIN yang terlibat.

KETUA FASILITATOR

Encik Nuruliman bin Ibrahim
Univerisiti Putra Malaysia (UPM)

KUMPULAN PENULIS

Encik Nuruliman bin Ibrahim
Univerisiti Putra Malaysia (UPM)
Puan Nur Azlin binti Ismail
Majlis Amanah Rakyat (MARA)
Encik Mohd Azrol Hafizi bin Azman
Univerisiti Putra Malaysia (UPM)

SEKRETARIAT

Encik Hairolanuar Bin Mohamad

Cik Zarina binti Ibrahim

Puan Nurul Hafizah binti Muhamad Mokhtar

Puan Maya Fahida Binti Mohd Esa

Encik Saiful Ammar bin Hahzar

Cik Noraini binti Yahya

Encik Ahmad Hafiz bin Abd. Kadir



AHLI BENGKEL

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

Encik Fakhruddin bin Abd Rahman

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)

Encik Izhar bin Ahmad

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

Encik Roseli bin Yusof

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Encik Musah bin Burut

Majlis Agama Islam Perak (MAINPK)

Encik Munawir bin Mohamed Noh

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAINWP)

Encik Mohd Ridzuan bin Hamid

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)

Encik Mohamad Noor Amin bin Januri

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

Ahmad 'Ataillah bin Zakariah

Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (MAINS)

Encik Alimazri bin Mauludin

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Encik Mohd Azmi bin Misron

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Dr. Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman

RUJUKAN

- Al-Kardy, Ahmad al-Hajj, Dr., 1999, *Buhuth wa Fataawa Fiqhiyyah Mu'asarah*, Beirut : Dar al-Basyair al-Islamiyyah
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Shariah Journal* 17(1): 113-152
- Badran, Badran Abu al-'Aynayn. (1986). *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Jami'ah
- Manual Pengurusan *Istibdal* Wakaf (JAWHAR), 2010. Najjah One Trading and Services. Kajang, Selangor.
- Manual Pengurusan Wakaf Tunai (JAWHAR), 2017. Produksi Nur-Johan Sdn. Bhd. Ipoh, Perak.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok b. Mahmud & Mohd. Fuad Sawari. (2008). *Maqasid Syariah Dalam Perlaksanaan Wakaf*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* (Vol 2, No 2)
- Muhammad Jawwad, *Ahwal al-Syakhsiyah*, (Beirut: Dar al-'Ilmi, 1964), 334.
- Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (JAWHAR), 2018. Produksi Nur-Johan Sdn. Bhd. Ipoh, Perak.
- Siti Mashitoh Mahamood, (2001). The Legal Principles of Waqf : An Analysis. *Syariah Journal*, 9(2), 1-12.



LAMPIRAN A

Komponen Kertas Cadangan Peruntukan Agihan Manfaat Wakaf

- a) Tujuan
- b) Pendahuluan
- c) Laporan Ringkas Hasil Bersih Manfaat Wakaf
- d) Cadangan Pembahagian Peruntukan Agihan Manfaat Wakaf
 - Kadar pembahagian hasil manfaat wakaf dengan mengambil kira fi perkhidmatan MAIN.
- e) Syor
 - Justifikasi cadangan agihan manfaat yang selaras dengan hasrat jariah para pewakaf.

**BENGKEL PENYEDIAAN MANUAL
PENGURUSAN AGIHAN MANFAAT (TAUZI')
JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR)**
12-14 OGOS 2020



Manual Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf

